

# GASTRIL TABLET

Ranitidine Hydrochloride (150mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gastril
2. Bagaimana Gastril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gastril
4. Cara menggunakan Gastril
5. Semasa menggunakan Gastril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gastril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Gastril

Ubat ini digunakan untuk merawat:

- Ulser duodenal
- Ulser gastrik benigna
- Keradangan esofagus refluks
- Sindrom Zollinger-Ellison (terlalu banyak asid di dalam perut yang disebabkan oleh pertumbuhan di dalam pankreas).
- Dan dalam keadaan yang berikut di mana rembesan gastrik dan penghasilan asid yang berkurangan adalah diperlukan
- Pencegahan pendarahan gastrousus akibat daripada ulser yang disebabkan oleh tekanan pada orang yang sakit tenat
- Pada orang yang mempunyai pendarahan perut dan sebelum pembiusan yang dianggap sebagai orang yang berisiko tinggi aspirasi asid (sindrom Mendelson), terutamanya wanita hamil semasa melahirkan anak
- Merawat ketidakhadaman kronik.

- Pencegahan ulser usus yang berkaitan dengan NSAID.

## Bagaimana Gastril berfungsi

Gastril mengandungi bahan aktif Ranitidine Hydrochloride. Ranitidine Hydrochloride tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat atau penghalang H<sub>2</sub>.

Ia berfungsi dengan mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan oleh perut. Ini membantu untuk mengurangkan kesakitan dan juga membolehkan ulser dan / atau penyakit refluks sembuh pada kebanyakan orang.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Gastril dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan Gastril untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan Gastril

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- ranitidine, bahan aktif, atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.
- sebarang ubat lain yang serupa

Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk:

- sesak nafas
- berdehit atau sukar bernafas
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan lain

- ruam, gatal-gatal atau bintik-bintik merah pada kulit

Jangan mengambil Gastril selepas tarikh luput yang dicetak pada pek ini atau jika terdapat tanda koyak atau salahguna pada bungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

- Sebelum menggunakan Gastril

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika:

- Anda mempunyai gastrik ulser
- Anda mempunyai kegagalan buah pinggang
- Anda mempunyai bradikardia (kadar jantung berkurangan)
- Anda mempunyai keadaan yang dipanggil porphyria (gangguan pigmen darah yang jarang berlaku)

Beritahu doktor anda jika anda pernah berhenti mengambil ubat ini atau sebarang ubat lain untuk ulser atau refluks.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Penyusuan bayi adalah tidak digalakkan kerana Ranitidine

dirembeskan ke dalam susu ibu.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Gastril.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Gastril boleh bertindak balas antara satu sama lain seperti Sucralfate (digunakan untuk menyembuh ulser).

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa mengambil Gastril.

**Cara menggunakan Gastril**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dos Gastril bergantung kepada keadaan yang dirawat.

*Ulser duodenal dan gastrik*

Rawatan: 150mg 2 kali setiap hari, atau 300mg sebelum tidur untuk sekurang-kurangnya 4 minggu

*Pengekalan Rawatan:* 150mg setiap hari boleh diambil sebelum tidur

*Esofagitis refluks*

Rawatan: 150mg 2 kali setiap hari, ambil pada waktu pagi dan sebelum tidur

*Sindrom Zollinger-Ellison*

Mula-mula ambil 150mg 3 kali setiap hari dan dinaikkan, jika perlu, kepada 600 – 900 mg sehari.

*Pencegahan terhadap orang yang mengalami pendarahan daripada ulser perut*

150mg dua kali sehari boleh diambil apabila pemakanan secara oral bermula

*Pengekalan Rawatan:*

Oesophagitis refluks : 150 mg diambil dua kali sehari pada waktu pagi dan sebelum tidur

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda. Jika anda mengambil dos yang salah, Gastril tidak akan berfungsi dengan baik dan masalah anda tidak akan bertambah baik.

Pengalaman dengan tablet ranitidine pada kanak-kanak adalah terhad. Ia bagaimanapun, telah digunakan dengan jayanya pada kanak-kanak berumur 8-18 tahun dalam dos sehingga 150 mg dua kali sehari

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangka masa rawatan Gastril bergantung kepada keadaan yang sedang dirawat.

Jika anda mempunyai ulser berpanjangan, tempoh rawatan yang lama mungkin diperlukan dan/atau berulang.

Kesakitan anda atau simptom yang lain mungkin mengambil beberapa hari untuk hilang. Ambil semua ubat yang doktor bekalkan, walaupun anda rasa lebih sihat.

Doktor anda mungkin bercadang untuk menyambung rawatan anda dengan Gastril pada dos yang berlainan, untuk mengelakkan masalah ini daripada berulang.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Gastril, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan dan kemalangan di hospital yang terdekat dengan segera.

Jika anda terlebih guna Gastril, simptom termasuk pening dan pengembangan saluran darah boleh berlaku.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

### Semasa menggunakan Gastril

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Gastril.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mangambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil Gastril untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Gastril mempengaruhi anda.

### Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan kkuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan-kesan sampingan adalah seperti berikut:

- Sistem Saraf Pusat: kelesuan, pening, mengantuk, insomnia (sukar untuk tidur) and vertigo (sensasi berpusing dan hilang keseimbangan).
- *Kardiovaskular*: degupan jantung cepat, perlahan, tidak teratur dan tidak berdenyut
- *Gastrointestinal*: sembelit, cirit-birit, loya/muntah, ketidakselesaian/ sakit perut
- *Hepatik*: hepatitis (radang hati), jaundis (kekuningan pada kulit dan mata).
- *Musculoskeletal*: arthralgia (sakit sendi) and myalgia (sakit otot)
- *Haematologic*: kekurangan sel darah merah dan sel darah putih, pertumbuhan tisu atau organ yang tidak lengkap
- Endokrin: mati pucuk dan kehilangan nafsu seks pada lelaki.
- *Integumental*: ruam, vaskulitis (radang saluran darah) dan alopecia (kehilangan rambut)
- *Lain-lain*: tindak balas hipersensitiviti (contoh; demam, sesak dada, sesak nafas, kejutan anafilaktik, ruam, eosinofilia-peningkatan dalam bilangan eosinofil dalam

darah, peningkatan kecil dalam darah kreatinin. Radang pankreas akut.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### Cara penyimpanan dan pelupusan Gastril

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Gastril atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Gastril atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
23/02/2016

**Nombor siri:**  
BPFK(R4/1)161015/00365

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Gastril Tablet 150mg – pil putih, berbentuk ‘D’ dengan tanda ‘duo 861’.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Ranitidine hydrochloride

Bahan tidak aktif:

- Aerosil
- Laktosa
- PVP
- Talcum
- Promigel
- Tepung jagung
- Isopropyl alcohol
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19972532AZ

**Pengilang**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-m)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.